



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

## **LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA**

**19 Februari 2026 (KHAMIS)**

# Mantai klasik, lelongan organ lembu disambut meriah

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	16	19 Feb

## Mantai klasik, lelongan organ lembu disambut meriah

**SEREMBAN** - Aktiviti mantai yang menjadi tradisi masyarakat Negeri Sembilan terus disambut meriah apabila penduduk di kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Pinggiran Senawang, di sini, memilih tema klasik tradisional ketika bergotong-royong.

Suasana bertambah meriah apabila turut diadakan lelongan organ lembu seperti tulang, ekor, hati dan kepala yang dijual serendah RM6.

Pengerusi KRT Taman Pinggiran Senawang, Fadzil Sharif, 59, berkata, aktiviti itu menjadi acara wajib penduduk sejak empat tahun lalu sebagai persediaan menyambut Ramadan.

"Kebanyakan negeri lain mengadakan mantai untuk sambut



**PENDUDUK** memakai pakaian klasik tradisional pada aktiviti mantai di Taman Pinggiran Senawang, Seremban semalam.

Aidilfitri, tetapi di Negeri Sembilan sedikit berbeza kerana kita juga buat mantai untuk menyambut Ramadan.

"Ta bukan sekadar aktiviti melapah daging, tetapi lebih kepada permuafakatan penduduk dalam menyambut bulan yang mulia ini," katanya semalam.

Menurutnya, semangat kerjasama penduduk amat baik, malah masing-masing tidak ketinggalan menggayakan pakaian tradisional klasik.

"Kita buat sedikit kelainan dengan tema tradisional klasik. Tidak sangka penduduk 'sporting' memakai baju kurung dan berkain batik bagi wanita, manakala lelaki berkain pelekat," katanya.

Beliau berkata, jika dahulu penduduk akan mengumpul wang sedikit demi sedikit untuk membeli seekor lembu bagi acara mantai, namun budaya itu kini tidak lagi diamalkan.

Sebagai alternatif, pihak KRT membuka tempahan daging lebih awal bagi memudahkan penduduk, selain memastikan tradisi itu terus diadakan.

"Tahun ini kita menerima tempahan sebanyak 140 kilogram daging daripada penduduk. Tempahan dibuka sebulan sebelum Ramadan.

"Daging ini dibeli dari Rembau dan kemudian dilapah secara bergotong-royong di pondok KRT supaya penduduk dapat merasai suasana mantai," katanya.

## Daging lembu dara 'licin' tidak sampai 30 minit

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	16	19 Feb



ZAKARIA membungkus daging lembu dara yang ditempah pelanggan di bangsalnya di Kampung Gong Depu, Pasir Puteh semalam. - TOREK SULONG

## Daging lembu dara 'licin' tidak sampai 30 minit

**PASIR PUTEH** – Hanya dalam tempoh tidak sampai 30 minit, jualan daging lembu dara milik seorang peniaga di Kampung Gong Depu, di sini, 'licin' diserbu pelanggan yang mahu mendapatkan bekalan menjelang Ramadan.

Tinjauan *Kosmo!* semalam mendapati, pelanggan sanggup datang awal untuk membeli daging segar itu yang terkenal dengan kelembutan serta rasa manis semula jadi.

Peniaga tersebut, Zakaria Awang Mat, 63, berkata, daging lembu muda atau dara yang dijualnya sentiasa menjadi rebutan setiap kali menjelang bulan puasa.

"Kebiasaannya, saya mula berniaga pada pukul 9 pagi. Tidak sampai pukul 9.30 pagi tadi (semalam), semua habis dijual dan bangsal terus ditutup.

"Saya hanya menyembelih seekor lembu berusia kira-kira

setahun setiap hari, khususnya pada bulan Ramadan berikutan permintaan tinggi," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di Kampung Gong Depu, di sini, semalam.

Menurutnya, lembu muda yang dijual merupakan ternakan sendiri selain dibeli daripada penternak berdekatan bagi memastikan kualiti dan kesegaran daging sentiasa terjamin.

"Lazimnya, saya memang jual lembu muda pada bulan Ramadan sahaja. Permintaan paling tinggi sehari sebelum puasa dan menjelang Aidilfitri.

"Ada pelanggan tetap yang buat tempahan awal dalam jumlah besar untuk stok seminggu," ujarnya.

Menurutnya, harga yang ditawarkan masih kekal iaitu RM25 sekilogram bagi daging dan tulang, manakala kaki lembu dijual RM35 sebatang bergantung kepada saiz.

## Polis Thailand rampas 843 tan kaki ayam haram dari Malaysia dan China

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Atas Talian		19 Feb



## Polis Thailand rampas 843 tan kaki ayam haram dari Malaysia dan China

Polis Thailand merampas 843 tan kaki ayam yang didakwa diseludup dari Malaysia dan China selepas penghantaran itu diisytiharkan secara salah sebagai barangan sejuk beku dan dipintas di Pelabuhan Laem Chabang, Chonburi.

19/02/2026 07:18 MYT

## KDCA nafi dakwaan rampasan tanah adat di Inanam

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
SabahNewsToday	Atas Talian	-	19 Feb

### KDCA nafi dakwaan rampasan tanah adat di Inanam

☰ Summarize

1 hour ago 03 mins

KOTA KINABALU: Persatuan Kebudayaan Kadazan Dusun (KDCA) menafikan dakwaan berlaku penindasan dan rampasan tanah adat berhubung permohonannya membabitkan tanah di Inanam, di sini.

Setiausaha Agungnya, Suman Yasambun, berkata tuduhan berkenaan adalah tidak benar serta tidak menggambarkan kedudukan sebenar status tanah terbabit.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas perhimpunan aman pada Selasa yang mempertikaikan permohonan tanah di Kampung Minintod serta kawasan berhampiran termasuk Kampung Bantayan dan Kampung Sukang Mabpai.

Menurutnya, tanah yang dipersoalkan masih berstatus Rizab Veterinar Sabah untuk kegunaan jabatan berkaitan dan bukannya Rizab Perkampungan Orang Asal seperti didakwa pihak tertentu.

“Dakwaan berlakunya penindasan atau rampasan tanah adat adalah tidak berasas. Kawasan itu masih digazetkan sebagai Rizab Veterinar,” katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata menerusi Resolusi Pemegang Amanah Resab Natif P.9114 bertarikh 12 Mac 1988, KDCA dibenarkan menduduki dan menggunakan sebahagian kawasan seluas 30 ekar, tertakluk kepada penyukatan rasmi.

Katanya, resolusi itu ditandatangani ketua kampung terlibat ketika itu sebagai tanda persetujuan merujuk cadangan berkenaan kepada kerajaan negeri untuk pertimbangan.

Pada 14 Mei 1994, Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Koisaan di Hongkod Koisaan meluluskan penerimaan tawaran tanah berkenaan kepada KDCA, dengan resolusi disaksikan wakil rakyat dan pemimpin masyarakat setempat.

Suman berkata, susulan persefahaman dicapai pada 1988, KDCA mengemukakan permohonan rasmi kepada kerajaan negeri termasuk mendapatkan pertimbangan Ketua Menteri serta mengemukakan justifikasi berhubung keperluan kawasan berkenaan.

Beliau berkata, kerajaan negeri memberikan maklum balas positif terhadap permohonan itu, namun tertakluk kepada ulasan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah yang sehingga kini belum mengeluarkan maklum balas rasmi.

“Status tanah kekal sebagai Rizab Veterinar dan proses permohonan melalui saluran rasmi sejak 1988. Kini kita menunggu maklum balas jabatan berkenaan sebelum tindakan lanjut oleh Jabatan Tanah dan Ukur Sabah,” katanya.

Sehubungan itu, beliau menggesa pihak yang mahukan penjelasan supaya tidak mengadakan demonstrasi, sebaliknya hadir berbincang dan meneliti dokumen rasmi.

Katanya, KDCA akan memanggil tiga ketua kampung terbabit untuk satu pertemuan pada 20 Februari ini bagi memberi penjelasan berdasarkan rekod rasmi serta mengelakkan salah faham berterusan.

## Mantai N. Sembilan meriah, penduduk 'sporting' berkain batik

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Atas Talian	-	18 Feb

### Mantai N. Sembilan meriah, penduduk 'sporting' berkain batik



Penduduk setempat menggayakan pakaian tradisional klasik bagi memeriahkan 'mantai' tahun ini.

SEREMBAN – Aktiviti 'mantai' yang menjadi tradisi masyarakat di Negeri Sembilan disambut meriah hari ini apabila penduduk kawasan rukun tetangga (KRT) Taman Pinggiran Senawang di sini memilih tema tradisional klasik ketika aktiviti gotong-royong.

Lebih meriah, aktiviti lelongan organ seperti tulang, ekor, hati dan kepala lembu turut diadakan dan dijual pada harga serendah RM8.

Pengerusi KRT Taman Pinggiran Senawang, Fadzil Sharif, 59, berkata, menjadi acara wajib bagi penduduk sejak empat tahun lalu untuk mengadakan mantai setiap kali menyambut ketibaan Ramadan.

“Kebanyakan di negeri lain, mereka mengadakan mantai untuk menyambut Aidilfitri, tetapi di Negeri Sembilan sedikit berbeza kerana kita buat mantai menyambut Ramadan. Ia bukan sekadar aktiviti melapah daging, tetapi lebih kepada permuafakatan penduduk.

“Tahun ini kita menerima tempahan sebanyak 140 kilogram (kg) daging selepas tempahan dibuka sebulan sebelum Ramadan. Daging ini dibeli di Rembau dan dilapah secara bergotong-royong di pondok KRT supaya penduduk dapat merasai suasana mantai,” katanya ketika ditemui hari ini.

Menurut Fadzil, kali ini, mereka membuat kelainan apabila memilih tema tradisional klasik dan tidak menyangka penduduk begitu 'sporting' apabila memakai baju kurung dan berkain batik bagi wanita, manakala lelaki pula berkain pelekat.

Sementara itu, seorang penduduk, Zaharudin Kasim, 72, yang berasal dari Kuala Pilah memuji usaha KRT Taman Pinggiran Senawang dalam meneruskan tradisi mantai supaya dapat dilakukan oleh generasi akan datang. – KOSMO! ONLINE

## Mantai sambut Ramadan seperti zaman dulu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Atas Talian	-	18 Feb

### Mantai sambut Ramadan seperti zaman dulu



*Penduduk Taman Pinggiran Senawang, mengadakan mantai berkonsepkan tradisi asal, dengan memakai pakaian orang kampung zaman dahulu. Foto Ahmad Hasbi/NSTP*

SEREMBAN: Mantai sempena kehadiran Ramadan sudah menjadi amalan di Negeri Sembilan, namun berbeza bagi penduduk di Taman Pinggiran Senawang, di sini apabila cuba mengimbuai tradisi lama, lengkap berpakaian orang kampung zaman dahulu.

Sempena mantai itu, penduduk mengadakan rewang, mengumpul wang daripada penduduk dan sesi lelongan.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga, Fadzil Sharif, 59, berkata, ketika ini kebanyakan program mantai dilaksanakan dengan menyembelih lembu dan dagingnya dijual kepada penduduk atau pelanggan dan ia tamat begitu sahaja.

"Kalau dahulu mantai dibuat di kampung tetapi tradisi ini semakin suram lebih-lebih bagi yang tinggal di kawasan taman perumahan. Bagi kami di sini, KRT sudah empat tahun mengadakan mantai ini.

"Namun, berbeza pada kali ini kami mengadakan rewang yang bermula semalam dengan memasak rendang ayam, wajik, nasi impit dan ketupat. Kami mahu ambil semangat gotong-royong seperti di kampung. Hari ini kami adakan mantai dengan penduduk berpakaian orang kampung dahulu untuk menghidupkan lagi suasana," katanya.

Mengenai sesi lelongan, dia yang berasal dari Sepri, Rembau berkata, jika di kampungnya pada ketika dahulu, sesi berkenaan antara acara kemuncak yang dinanti-nantikan penduduk.

"Biasanya yang dilelong adalah organ dalaman, kepala, kaki dan ekor lembu. Sesi lelongan ini sekadar untuk memeriahkan suasana. Jika dahulu ada anak yang bekerja sebagai askar, polis atau guru pulang ke kampung dan saling membida untuk diberikan kepada keluarga masing-masing. Jadi kami cuba terapkan sesi lelongan ini dalam program mantai kami," katanya.

Penduduk, Baharudin Kasim, 72, berkata usaha yang dilakukan KRT dengan mengadakan rewang dan lelongan dapat menghidupkan kembali tradisi asal mantai.

"Jika diikutkan tradisi asal mantai, penduduk kampung dahulu akan sama-sama kumpul duit untuk membeli lembu atau kerbau. Selepas itu mereka akan bergotong-royong melapah dan membahagikan daging mengikut bahagian masing-masing. Apa yang dibuat KRT hari ini boleh dikatakan seperti tradisi asal," katanya.

# KDCA Nafi Dakwaan Rampas Tanah, Tegaskan Status Rizab Veterinar di Minintod

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sabah News	Atas Talian	-	18 Feb

## KDCA Nafi Dakwaan Rampas Tanah, Tegaskan Status Rizab Veterinar di Minintod

18/02/2026



**PENAMPANG:** Persatuan Kebudayaan Kadazan Dusun (KDCA) menafikan dakwaan kononnya berlaku penindasan atau rampasan tanah di Kampung Minintod dan kawasan sekitarnya, termasuk Kampung Bantayan serta Sukang Mabpai.

**Setiausaha Agung KDCA, Datuk Suman Yasambun menegaskan, tanah seluas kira-kira 30 ekar yang dipersoalkan masih berstatus Rizab Veterinar Sabah dan bukannya rizab perkampungan orang asal seperti yang didakwa.**

*“Status tanah ini masih Rizab Veterinar dan bukan Rizab Kampung. Proses permohonan telah melalui saluran rasmi sejak 1988 dan kini hanya menunggu maklum balas jabatan berkaitan.*

“Tidak perlu demonstrasi, datang berjumpa kami dan kami akan tunjukkan dokumen rasmi,” katanya dalam kenyataan media hari ini.

Kenyataan itu susulan dakwaan tular di media sosial oleh penduduk Kampung Bantayan yang mempersoalkan penandaan kawasan berkenaan sebagai tanah KDCA serta membantah sebarang pengambilan tanpa rundingan telus.

Menurut Suman, rekod resolusi menunjukkan pada 1988 KDCA dibenarkan menduduki dan menggunakan sebahagian kawasan tersebut tertakluk kepada penyukatan rasmi, dengan sokongan ketua-ketua kampung ketika itu.

Pada 1994 pula, mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Koisaan meluluskan penerimaan tawaran pemberian milik 30 ekar berkenaan kepada KDCA.

Beliau berkata, permohonan rasmi telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri termasuk mendapat pertimbangan Ketua Menteri, namun masih tertakluk kepada ulasan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan proses jabatan tanah.

“Semua keputusan dibuat melalui mesyuarat rasmi, disokong pemimpin masyarakat dan diproses mengikut saluran sah Kerajaan Negeri. Dakwaan bahawa KDCA merampas atau menindas masyarakat adalah tidak tepat dan bercanggah dengan fakta dokumentasi rasmi,” tegasnya.

KDCA turut menyeru semua pihak agar tidak menyebarkan maklumat yang belum disahkan serta mengutamakan perbincangan rasmi bagi mengelakkan kekeliruan dan ketegangan dalam kalangan masyarakat.

Terdahulu, seorang penduduk Joevellysia Joseph melalui perkongsian di media sosial mendakwa bahawa perkara itu mengejutkan semua penduduk kampung yang sudah menetap di kawasan itu sejak zaman nenek moyang mereka lagi.

Menurutnya, dia selalu nampak kisah tular mengenai tanah kampung yang alami masalah serupa.

“Ini kali terkena pada diri sendiri, di kampung sendiri. Bertahun-tahun tinggal di kampung ini, di Kampung Bantagan Inanam berhiran pula dengan Kampung Minintod @ Melintud dan juga Kampung Sukang Mabpai,” katanya.

# Tiada rampasan tanah di Inanam, permohonan ikut proses - KDCA

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Nabalu News	Atas Talian	-	18 Feb

## Tiada rampasan tanah di Inanam, permohonan ikut proses – KDCA



KOTA KINABALU: Persatuan Kebudayaan Kadazan Dusun (KDCA) menafikan dakwaan berlaku penindasan dan rampasan tanah berhubung permohonannya melibatkan tanah kawasan di Inanam, di sini, serta menyifatkan tuduhan itu sebagai tidak berasas.

Setiausaha Agungnya, Datuk Suman Yasambun berkata, pihaknya mengambil maklum mengenai perhimpunan aman pada Selasa yang mempertikaikan permohonan tanah di Kampung Minintod serta kawasan berhampiran termasuk Kampung Bantayan dan Kampung Sukang Mabpai.

Katanya, KDCA sebagai pertubuhan yang memperjuangkan kebajikan dan kepentingan masyarakat Kadazandusun sentiasa bertindak berlandaskan undang-undang serta proses rasmi Kerajaan Negeri.

“Dakwaan berlakunya “penindasan” atau “rampasan tanah adat” adalah tidak benar, tidak berasas dan tidak menggambarkan kedudukan sebenar perkara ini.

“Kawasan yang dipersoalkan adalah tanah yang masih digazetkan sebagai Rizab Veterinar Sabah untuk kegunaan jabatan berkenaan dan bukannya Rizab Perkampungan Orang Asal seperti yang digambarkan pihak tertentu,” katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Suman berkata, menerusi Resolusi Pemegang Amanah Resab Natif P.9114 pada 12 Mac 1988, KDCA telah dibenarkan menduduki dan menggunakan sebahagian kawasan seluas 30 ekar tertakluk kepada penyukatan rasmi, dengan resolusi ditandatangani oleh ketua-ketua kampung terlibat ketika itu.

Menurutnya, pada 14 Mei 1994, Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Koisaan di Hongkod Koisaan meluluskan penerimaan tawaran tanah 30 ekar itu kepada KDCA, dan resolusi itu ditandatangani pemimpin persatuan, disaksikan wakil rakyat serta pemimpin masyarakat setempat.

“Pada 1988, satu perjanjian telah dipersetujui oleh semua Ketua Masyarakat di Inanam bagi menyokong cadangan supaya kawasan 30 ekar itu dirujuk kepada kerajaan negeri untuk pertimbangan dan kelulusan kepada KDCA.

“Susulan persefahaman itu, KDCA mengemukakan permohonan rasmi kepada kerajaan negeri termasuk mendapatkan pertimbangan Ketua Menteri serta mengemukakan justifikasi penuh berhubung keperluan kawasan tersebut,” jelasnya.

Ujarnya, Kerajaan Negeri memberi maklum balas positif terhadap permohonan itu, tertakluk kepada ulasan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah yang sehingga kini belum mengeluarkan maklum balas rasmi.

“Status tanah berkenaan kekal sebagai Rizab Veterinar dan bukan Rizab Kampung, dan proses permohonan telah melalui saluran rasmi sejak 1988 termasuk persetujuan Ketua Menteri tertakluk kepada ulasan Jabatan Veterinar.

“Kini kita menunggu maklum balas jabatan berkenaan untuk tindakan lanjut oleh Jabatan Tanah dan Ukur Sabah. Semua Ketua Kampung yang terlibat sedia maklum perkara ini,” katanya.

Sehubungan itu, beliau menggesa pihak yang mahukan penjelasan supaya tidak mengadakan demonstrasi, sebaliknya hadir berbincang dengan pihak KDCA dan meneliti dokumen rasmi.

Katanya, KDCA akan memanggil ketiga-tiga Ketua Kampung terlibat untuk satu pertemuan pada 20 Februari ini bagi memberi penjelasan berdasarkan rekod rasmi, sekali gus mengelakkan salah faham berterusan.

## Govt's pet microchipping project needs proper system, enforcement to be effective, says group

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TheStar	Atas Talian	-	17 Feb

### Govt's pet microchipping project needs proper system, enforcement to be effective, says group

#### Summary

An animal welfare group supports the government's proposed mandatory pet microchipping project, emphasizing the need for a centralized, enforceable national traceability system. The group suggests a central database, uniform licensing, clear legal accountability, and phased rollout with public education.

MANJIT KAUR • Tuesday, 17 Feb 2026 | 4:04 PM MYT

IPOH: An animal welfare group has voiced strong support for the government's proposed pilot project on mandatory pet microchipping.

Persatuan Haiwan Terbiar Malaysia (SAFM) president R. Kalaivanan said the move must form of a centralised and enforceable national traceability system to be truly effective.

He added that the microchipping project should not become merely an administrative exercise.

"Without a unified national database and clear legal accountability, the system risks becoming symbolic rather than effective," he said in a statement on Tuesday. (Feb 17)

Recently, Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu, said the government is considering making it compulsory for pet dogs to be microchipped and issued with identification cards to obtain a licence from the relevant local authorities.

Mohamad had said that the Veterinary Services Department, together with the Housing and Local Government Ministry is currently developing the initiative.

Kalaivanan said the pilot project requires a centralised federal database, uniform licensing across local authorities, clear legal links between microchips and owner liability, formal ownership transfer rules, and phased rollout with nationwide public education.

He said a properly designed traceability framework would enhance enforcement capabilities, improve coordination among regulators, and create clearer accountability for pet ownership.

"This is not just about microchips. It is about building a transparent and enforceable ownership system that can stand the test of time.

"SAFM is ready to work with both ministries through structured consultations to help develop the project into a scalable and sustainable nationwide model aligned with international best practices," he said.

Is this article useful?

100% of our readers find this article useful

Report a mistake

## Animal group calls for centralised database for pet dog microchipping

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
FreeMalaysiaToday	Atas Talian	-	17 Feb

### Animal group calls for centralised database for pet dog microchipping

#### Summary

Persatuan Haiwan Terbiar Malaysia (SAFM) advocates for a centralized national database for pet dog microchipping and identification, emphasizing the need for synchronized licensing standards and defined ownership transfer protocols. The organization believes this will strengthen enforcement and improve regulatory coordination.

Persatuan Haiwan Terbiar Malaysia also says licensing requirements across all local authorities should be synchronised.

FMT Reporters



Agriculture and food security minister Mohamad Sabu said the government plans to make microchips and identification for pet dogs mandatory for licensing by the relevant local authorities. (Envato Elements pic)

#### PETALING JAYA:

A single, centralised national database with federal oversight must be at the heart of a proposed policy making it mandatory for pet dogs to have microchips and identification cards.

Persatuan Haiwan Terbiar Malaysia (SAFM) also said licensing standards across all local authorities must be synchronised.

Ownership transfer protocols must be defined to prevent regulatory loopholes, it added.

SAFM said a properly structured traceability framework would strengthen enforcement, improve regulatory coordination, and establish clearer accountability mechanisms.

“Microchipping must not become merely an administrative requirement.

“Without a unified national database and clear legal accountability, the system risks becoming symbolic rather than effective,” it said in a statement.

On Feb 12, agriculture and food security minister Mohamad Sabu said the government plans to make microchips and identification for pet dogs mandatory in order to be licensed with the relevant local authorities.

Mohamad said the veterinary services department and the housing and local government ministry were working on this initiative together.

Currently, it is not mandatory for pet cats and dogs to be microchipped before receiving their routine vaccines, though it is strongly encouraged.

SAFM said the proposal presented a “critical opportunity to modernise Malaysia’s companion animal governance framework”.

“It is about building a transparent and enforceable ownership system that can stand the test of time.”

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR